



BERSEDIakah MURID MENERIMA FORMAT BAHARU UPSR?

Jendela pendidikan terbuka lebih luas menjelang akhir gelombang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 apabila Lembaga Peperiksaan (LPM) mengumumkan perubahan format Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2018. Pelbagai pendapat dituturkan oleh orang ramai berhubung dengan sistem penaklukan yang baharu ini.

MOHAMAD ASRI MAT HUSIN
Setiausaha Agung Jawatankuasa Pembangunan
Kemahiran Pakar Pembangunan Sekolah

ADA orang menerimanya dengan pemikiran terbuka dan menghulurkan kesediaan untuk menangani perubahan ini secara positif. Namun begitu, tidak kurang juga secara sinis menyatakan kurang bersedia untuk menerima perubahan ini tanpa memahami rasional perubahan format ini dilakukan. Terdapat juga sebilangan warga pendidik yang tidak mampu menerima perubahan ini seiring dengan perubahan PPPM yang membawa transformasi baharu dalam sistem pendidikan negara.

Pasaran semasa meletakkan keperluan pendidikan berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan masyarakat bagi memenuhi keperluan sejangat. Pelbagai pihak mengemukakan pandangan senada untuk meletakkan pendidikan sebagai medium penting menjana kecemerlangan anak demi masa hadapan. Tanpa pendidikan yang terancang terhadap anak, itulah tanda kegagalan ibu bapa dan komuniti. Untuk menilai kejayaan anak, masyarakat bersetuju bahawa anak dinilai berdasarkan tahap pencapaian dalam peperiksaan awam, seperti UPSR, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Stigma yang melingkari kepompong pemikiran masyarakat ini agak menyedihkan kerana anak yang mendapat pendidikan pada masa ini hanyalah untuk lulus cemerlang dalam peperiksaan. Tidak mustahil, sekiranya pemikiran ini berakar umbi dalam masyarakat dan diamalkan dalam sistem pendidikan negara, manusia berjiwa robot tanpa jati diri bangsa Malaysia akan dilahirkan menjelang tahun 2020 kelak.

Acuan PPPM menjadi garis panduan terarah dalam sistem pendidikan negara yang ingin dicapai pada masa hadapan. Sistem pendidikan bukan sentiasa berubah, sebaliknya sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bagi meningkatkan bidang keberhasilan pencapaian modal insan. Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abd. Ghaffar Mahmud, berharap PPPM dapat menggalakkan perkembangan murid yang bersifat holistik dengan memberikan fokus terhadap pembelajaran berpusatkan murid yang diberi ruang dan peluang yang lebih luas untuk berfikir, berbincang, menganalisis dan membuat keputusan sendiri melalui kerja lapangan, perbincangan kolaboratif dan koperatif. Sistem pendidikan negara perlu mewujudkan

Education - Higher Learning

Pg : 23-25

Control No : 0000274770

File name : MA Education / 2015 / E042015A04.pdf

ekosistem sekolah yang mampu menggalakkan perkembangan murid secara holistik, seperti kemahiran berfikir, berkomunikasi, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menuntut pemikiran secara lebih berkesan dan kreatif untuk diamalkan oleh warga pendidik dan diterapkan dalam masyarakat. Sekiranya dihalusi, KBAT semakin menonjol dan hangat diaplikasikan melalui penggunaan sistem teknologi yang semakin canggih. Transformasi pendidikan dalam PPPM memberikan penekanan terhadap konsep dan kontekstual KBAT yang dipercayai mampu melahirkan generasi baharu yang berfikir di luar kotak pemikiran biasa secara kreatif dan kritis. Elemen inilah yang akan menjadi kerangka utama terhadap perubahan format UPSR bagi tahun 2016.

Menurut Pengarah Lembaga Peperiksaan, Datin Nawal Salleh, beberapa perubahan dibuat sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011, melengkapi pelaksanaan Penaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), serta bagi membudayakan unsur KBAT. Beberapa penambahbaikan dibuat dalam format baharu yang akan dilaksanakan pertama kali kepada kira-kira 450 ribu calon UPSR pada tahun hadapan.

Penambahbaikan format UPSR 2016 ini membabitkan bentuk dan jenis soalan, iaitu soalan objektif aneka pilihan dikurangkan dan ditambah dengan soalan objektif pelbagai bentuk berunsurkan KBAT. Format baharu ini membabitkan enam subjek dengan mata pelajaran Bahasa Inggeris dibahagikan kepada dua kertas, iaitu pemahaman dan penulisan. Penambahan ini bermakna murid di sekolah kebangsaan menduduki enam kertas bagi mendapat keputusan cemerlang 6A berbanding dengan lima sebelum ini. Pelajar sekolah vernakular pula menduduki lapan kertas mata pelajaran bagi mendapat keputusan penuh 8A berbanding dengan tujuh sebelum ini. UPSR masih berbentuk ujian bertulis 100 peratus dan dijalankan secara peperiksaan pusat, seperti tahun-tahun sebelum ini. Tujuannya juga adalah sama untuk mentaksir pencapaian akademik murid seluruh negara dengan mematuhi standard yang ditetapkan.

Oleh itu, penambahbaikan format ini jelas menunjukkan bahawa unsur KBAT menjadi teras utama dalam pembinaan item. Generasi "rebung", bermula pada peringkat akar umbi pendidikan, bukan sahaja ditekankan aspek kecemerlangan pencapaian bilangan "A" semata-mata, malahan dibentuk berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran



Maklumat Format Baharu UPSR 2016

- ❖ Kertas Bahasa Inggeris diasingkan kepada dua kertas, iaitu pemahaman dan penulisan.
- ❖ Kertas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga diasingkan kepada dua kertas, iaitu pemahaman dan penulisan.
- ❖ Ujian subjektif dan objektif pelbagai bentuk dalam kertas pemahaman bagi semua mata pelajaran bahasa dimasukkan berbanding dengan sebelum ini yang hanya mengandungi ujian objektif.
- ❖ UPSR sebelum ini hanya memerlukan calon menduduki lima kertas, iaitu Bahasa Melayu Pemahaman, Bahasa Melayu Penulisan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.
- ❖ UPSR masih berbentuk ujian bertulis 100 peratus peperiksaan pusat, seperti tahun-tahun sebelum ini, namun format baharu mengutamakan calon menerapkan unsur KBAT semasa menjawab soalan yang dikemukakan.
- ❖ Elemen pentaksiran diperkukuh dengan memasukkan kemahiran kreatif dan penyelesaian masalah. Soalan yang dibentuk sekurang-kurangnya 40 peratus berbentuk KBAT.



- ❖ Mengutamakan stimulus secara ekstensif untuk menajamkan kemahiran inferens dan penaakulan kritis.
- ❖ Mempelbagaikan kata tugas untuk mentaksir pelbagai aras pemikiran dalam domain kognitif.
- ❖ Menggunakan situasi baharu di luar bilik darjah sebagai konteks bukan lazim.
- ❖ Menggalakkan murid berfikir lebih mendalam dan bukan sekadar mengingat semula apa-apa yang dipelajari dalam bilik darjah.
- ❖ Mencabar murid untuk menyelesaikan masalah kehidupan sebenar dengan menggunakan pembelajaran daripada pelbagai disiplin ilmu.
- ❖ Mengemukakan item berbeza setiap tahun.
- ❖ Menggunakan bahan yang melangkaui bahan buku teks, buku kerja, dan buku latihan.

berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan pemutusan identiti nasional.

Cakupan yang lebih meluas diberikan kepada pentaksir bagi mentaksir pencapaian murid. Format baharu ini sudah pasti akan membentuk murid yang mampu menangani masalah kehidupan harian yang semakin mencabar. Masyarakat, khususnya ibu bapa, perlu menerima penambahbaikan ini dengan berlapang dada kerana format yang baharu ini dilihat bersifat lebih mesra murid dan tidak mengongkang daya pemikiran murid untuk melontarkan jawapan.

Penjanaan pendidikan pada peringkat akar umbi amat penting untuk usaha membudayakan roh akademia dan seterusnya menjadi mungkin terhadap pewujudan landskap pendidikan yang berkualiti di negara ini. Penambahbaikan format UPSR ini tidak harus dilihat dari kaca mata agenda politik, tetapi membawa nafas transformasi yang mencerminkan cetusan pemikiran luar biasa dan cerakinan agenda masa hadapan negara yang membawa bangsa Malaysia ke destinasi bertaraf luar biasa.

PPPM bukanlah alat untuk membelenggu kita dalam status quo, tetapi gagasan gelombang baharu ini mengajak segenap lapisan masyarakat menjadi pemain watak terhadap drama perubahan landskap pendidikan negara. Semua pihak harus memainkan peranan terhadap perubahan format ini. Masyarakat harus memahami bahawa bentuk pentaksiran harus wujud dalam institusi pendidikan bagi membantu mewujudkan landskap pendidikan berkualiti ini.

Sekiranya masyarakat dan warga pendidik sebelum ini bergantung pada budaya meneka dan meramal soalan untuk mencapai markah yang cemerlang dalam peperiksaan, budaya ini tidak sesuai lagi diamalkan apabila pelaksanaan format baharu ini bermula. Soalan berbentuk KBAT lebih bersifat terbuka dan agak sukar untuk diramal. Namun begitu, konteks cakupan soalan masih berkisar terhadap ruang lingkup yang sesuai dan dipelajari oleh murid dalam bilik darjah.

Melalui KBAT, setiap murid memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka, menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat untuk mengupayakan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif, termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif. Sebelum ini, bidang ini kurang diberi perhatian menyebabkan murid kurang berupaya mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik.

Sekiranya generasi muda kelas pertama ingin dihasilkan, sewajarnya semua perkara yang berlaku di sepanjang proses menjadikan insan itu warga kelas pertama juga haruslah berkualiti. Hubung kait jaringan kualiti harus bermula dari peringkat akar umbi hinggalah peringkat alam pekerjaan. Bak kata pepatah "apa yang ditanam hari ini, itulah yang dituai pada hari esok".

Dalam konteks transformasi penambahbaikan format UPSR ini, kemahiran dwibahasa agak ditekankan untuk melahirkan murid yang mampu bergerak seiring dengan arus pendidikan nasional. Aspek kemahiran berbahasa merangkumi kemahiran lisan (mendengar dan bertutur), kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran tersebut agak penting untuk dikuasai oleh individu bagi menyediakan diri terhadap perubahan dunia pendidikan yang agak pesat ini.

Bumbung persekolahan seharusnya menyediakan ruang sesi pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan unsur inovasi dan meningkatkan kreativiti bahasa murid. Alat pemikiran menerusi penggunaan peta *I-Think* perlu dijadikan rutin untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan rutin ini banyak membantu murid menjawab soalan UPSR bertformat baharu ini, di samping mencerna pemikiran mereka. Bagi menghadapi cabaran anjakan paradigma kehidupan manusia abad ke-21, institusi persekolahan sebagai peringkat akar umbi pendidikan bertanggungjawab memupuk dan membina generasi bangsa Malaysia baharu yang bersedia menerima perubahan dan menanggapi sebarang anjakan secara positif dan dinamis. 